

**NO. SOALAN : 336**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[ KOTA BHARU ]**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah produk-produk baru pelancongan yang sedang dan akan dipromosikan untuk menarik lebih ramai pelancongan ke negara ini.

**JAWAPAN :      DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dengan kerjasama pihak pengusaha pelancongan sedang membangunkan pakej dan mempromosikan produk-produk yang berkonsepkan Strategi Lautan Biru Kebangsaan seperti berikut:

- 1) "Lung washing/clean-air tourism" dengan mengambil manfaat kesegaran seta kebersihan udara negara meliputi destinasi di pulau-pulau dan pantai-pantai yang indah, aktiviti sukan dan rekreasi, agro pelancongan dan percutian di tanah tinggi mensasarkan pasaran negara China dan Timur Tengah.
- 2) Eko pelancongan dengan membangunkan pakej-pakej pelancongan seperti "*diving*" dan "*birding*".
- 3) Kuasa beli tinggi (*high yield*) dengan memberi fokus kepada aktiviti seperti MICE, "*cruising*" dan "*wellness*" dan "*shopping*".

Di samping itu, pihak kementerian juga mempromosikan acara kebudayaan, kesenian dan warisan di Malaysia sebagai produk pelancongan unik secara komersil untuk diketengahkan ke pasaran antarabangsa dan secara langsung memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

Lain-lain produk baru termasuklah taman-taman tema yang menarik iaitu *Movie Animation Park Studios (MAPS)* yang akan dibuka di Ipoh, Perak, taman tema di Genting Highlands, Pahang iaitu *20th Century Fox Studio* yang pertama di dunia serta taman tema baru *Nickelodeon Lost Lagoon* di Sunway Lagoon, Selangor.

Sekian, terima kasih.